

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

13. Nyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha meningkatkan sumber pendapatan nelayan.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam membantu meningkatkan pendapatan nelayan di negeri ini dengan memberikan bantuan dan latihan seperti berikut:
- (i) Program Pemberian Bantuan *Touch Point* (mesin dan peralatan penyelenggaraan enjin);
  - (ii) Program Bantuan Program Agropreneur Muda;
  - (iii) Program Bimbingan Dari Segi Penyediaan Kertas Kerja Untuk Permohonan Geran;
  - (iv) Penganjuran Kursus Dan Demo In-Situ Pembaikan Enjin Sangkut Dan Elektronik Pelayaran;
  - (v) Kursus Pemprosesan Produk Berasaskan Surimi Dan Otoshimi; dan
  - (vi) Projek melabuhkan tukun tiruan pelbagai jenis dan pelbagai saiz (berat 0.3-32 tan metrik/unit tukun) di sekitar perairan Pulau Kendi.

Menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang, program-program bantuan adalah seperti berikut:

- (i) Program Rezeki Tani sebanyak RM10,000.00 bagi seorang penerima;
- (ii) Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM250 sebulan;
- (iii) Insentif Hasil Tangkapan Ikan sebanyak 10 sen / kilogram bagi ikan yang diisyiharkan;
- (iv) Bantuan Subsidi Minyak Petrol & Diesel dengan harga Petrol RM1.38 dan Diesel sebanyak RM1.65 per liter;
- (v) Program Pasar Nelayan yang memberi peluang bagi para nelayan menjual sendiri hasil laut;
- (vi) Program Khas Perumahan Nelayan iaitu sebanyak RM13,000.00 untuk bantuan baik pulih rumah; dan
- (vii) Program Dana Nelayan yang merupakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM25,000.00 untuk seorang penerima.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pemberian Baucar Bantuan Nelayan Pesisir Pantai untuk membantu golongan nelayan khususnya nelayan pesisir pantai di mana mereka layak membeli peralatan dan perkakasan yang dibenarkan bernilai RM400.00 setahun.

Nelayan juga boleh memohon pembiayaan dalam bentuk pinjaman mikro kredit di bawah Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah sehingga RM6,000.00 kepada pemohon berumur 40 tahun dan ke bawah. Bagi pemohon yang berumur 40 tahun dan ke atas, kemudahan pinjaman adalah sehingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama dua (2) tahun. Manakala untuk pinjaman kali kedua kadar faedah yang dikenakan ialah 8% setahun.